

Penganjur tak patut jadikan rakyat perisai

Perhimpunan haram sedikit sebanyak mencemarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara aman, makmur dan tenteram. Biarpun mungkin sesetengah pihak saling berbeza pendirian politik, namun jangan gadaikan keharmonian dan keutuhan hubungan antara kaum yang terbina selama ini demi mencapai matlamat politik sendiri melalui jalan singkat.

Demonstrasi adalah gerakan bantahan sekumpulan individu di khalayak menyatakan perasaan, pendapat atau meluahkan fikiran secara terbuka.

Rancangan pihak tidak bertanggungjawab mengadakan perhimpunan besar-besaran di ibu negara bagi memper-

juangkan agenda tertentu mereka, mendapat liputan meluas media.

Penganjur berdegil

Walaupun pihak berkuasa tidak mengeluarkan permit kepada mereka untuk berbuat demikian berasaskan pertimbangan dari segi keselamatan dan ketenteraman awam, namun penganjur perhimpunan itu tetap berdegil untuk meneruskan niat mereka, tanpa mempedulikan hak orang lain untuk menjalani kehidupan dengan tenang dan selesa.

Kumpulan ini cuba menghalalkan tindak-tanduk mereka dengan menjadikan rakyat sebagai perisai tanpa memikirkan kesan negatif yang akan berlaku. Apa yang lebih

membimbangkan, mungkin ada pihak luar mengambil kesempatan dan ini boleh menjejaskan imej negara pada mata dunia.

Patut guna saluran betul

Jika penganjur menyatakan tujuan perhimpunan haram ini untuk menuntut pilihan raya bersih, kenapa ia tidak mengikut saluran yang betul, iaitu menyerahkan kepada mahkamah atau menggunakan saluran undang-undang untuk menuntut atau menegakkan keadilan seperti yang diperjuangkan. Malah, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyatakan kesudian mendengar tuntutan dan pandangan kumpulan pengacau.

Jika disoroti pengalaman dahulu, pihak berkuasa seperti polis dan pasukan antirusuhan dilabel sebagai tidak berperikemanusiaan terhadap mereka yang berdemonstrasi. Wartawan asing dan media yang menyokong agenda perjuangan parti tertentu ternyata membuat liputan berat

sebelah apabila hanya menyiarkan sedutan rakaman yang menggambarkan pihak berkuasa bertindak ganas menghuirakan perhimpunan.

Oleh itu, hormatilah hak rakyat yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan secara bersama. Menerusi Perlembagaan ini juga, kita dijamin untuk mengamalkan sistem demokrasi terpimpin.

Bukan medium suarakan ketidakpuasan hati

Justeru, tidak ada mana-mana individu mempunyai alasan lebih konkrit dan munasabah untuk menjadikan demonstrasi jalanan sebagai medium untuk menyuarakan ketidakpuasan hati yang akhirnya akan membawa mudarat yang lebih besar kepada diri sendiri, kestabilan politik, kesepaduan rakyat dan kedaulatan negara yang tercinta.

Nor Fatimah Zainudin
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)